



BULETIN

UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



www.uthm.edu.my

Bil.9 September 2022 | ISSN 2232-0415



UTHM jalin kerjasama dengan tiga universiti awam, perkasa bidang akademik, penyelidikan dan perundingan

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe
UTHM TV



Global Technopreneur
University 2030



ISI KANDUNGAN

- 1 UTHM jalin kerjasama dengan tiga universiti awam, perkasa bidang akademik, penyelidikan dan perundingan
- 2 Arcstone beri endowmen AS\$520,535.00, bantu UTHM lahirkan graduan mahir dalam pembuatan digital
- 3 UTHM raih anugerah di Festival Royal Floria Putrajaya 2022
- 4 Mahu kekal relevan, FPTP tambah baik Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi
- 6 Penyelidik UTHM hasilkan profil fasiliti awam, bantu jaga kelestarian kawasan daerah Batu Pahat
- 8 Pembelajaran TVET UTHM bantu Helmi jadi usahawan tani berjaya
- 10 Tukar sisa jadi harta sambil jaga alam sekitar
- 13 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Elmy Johana Mohamad

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my



UTHM jalin kerjasama dengan tiga universiti awam, perkasa bidang akademik, penyelidikan dan perundingan

BATU PAHAT, 26 Sept 2022 - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP) telah menandatangani memorandum perjanjian (MoA) bersama tiga universiti awam iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) bagi menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan perundingan.

Majlis yang diadakan di Aras 3, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, kampus induk diwakili oleh Naib Canselor UTHM, Prof. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, manakala Universiti Utara Malaysia diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah, Universiti Malaysia Pahang diwakili Naib Canselor, Prof. Dato' Ts. Dr. Yuserrie Zainuddin dan Universiti Malaysia Kelantan diwakili Naib Canselor, Prof. Dr. Razli Che Razak.

Kerjasama akademik, penyelidikan dan perundingan ini telah dirancang dan diusahakan sejak akhir tahun 2021 lagi selaras dengan misi UTHM iaitu menyediakan penyelesaian teknikal untuk keperluan industri dan komuniti berasaskan paradigma tauhid.

Ia juga selari dengan sasaran hala tuju universiti yang baharu iaitu untuk menjadi sebuah *Global*

Technopreneur University pada tahun 2030 (GTU 2030).

Ketiga-tiga universiti ini mempunyai kekuatan tersendiri dalam memacu pembangunan penyelidikan dan pembangunan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing dalam konteks sains dan teknologi.

Dalam usaha meningkatkan pembangunan dan peranan universiti agar selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0), adalah menjadi satu keperluan untuk institusi pengajian tinggi di Malaysia bergerak secara kolaboratif dengan mengintegrasikan kepakaran yang ada di sesebuah universiti dengan universiti lain.

Kini, kemajuan penyelidikan terutamanya dalam fasa pasca pandemik bukan sahaja berdasarkan satu bidang tujuh semata, malah ia perlu dilaksanakan dengan menggabungkan kepelbagaian bidang atau disiplin ilmu.

Jalinan kerjasama antara UTHM dan tiga universiti awam ini amat signifikan yang mana perjanjian ini digerakkan di bawah geran kontrak **Collaborative Research Grant (CRG)**, yang kajiannya dijalankan selama setahun.

Kerjasama empat pihak di bawah

CRG ini bernilai RM40 ribu, yang mana dana sebanyak RM10 ribu disumbangkan oleh setiap rakan universiti, manakala RM10 ribu lagi disumbangkan oleh UTHM.

Geran tersebut telah diusahakan oleh Profesor Madya Dr. Md. Asrul Nasid Masrom dan ia menjadi program sulung yang dijalankan di bawah FPTP.

Usaha sebegini dilihat dapat meningkatkan lagi visibiliti berkaitan kepakaran yang ada di universiti masing-masing dalam memenuhi keperluan industri dan komuniti terutama dalam bidang pengurusan.

Turut hadir, Ketua Pegawai Operasi/Pendaftar, Abdul Halim Abdul Rahman; Dekan FPTP, Prof. Wan Fauzi @ Wan Fauziah Wan Yusoff; Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan) FPTP, Prof. Madya Dr. Md. Asrul Nasid Masrom merangkap penyelaras MoA; Ketua Penyelidik UUM, UMP dan UMK, ketua dan ahli CSIEM, pegawai-pegawai UTHM serta wakil dari rakan universiti.

Arcstone beri endowmen AS\$520,535.00, bantu UTHM lahirkan graduan mahir dalam pembuatan digital

Heartiest Congratulations



**Assoc. Prof. Ir. Dr. Ing. Low Cheng Yee
& Team Col Fraunhofer IEM
innovationlabs.my**

for securing

US\$520,535.00

endowment from

ARCSTONE

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memperoleh endowmen bernilai AS\$520,535.00 daripada Arcstone Singapura bagi membangunkan program pendidikan yang bertujuan melatih generasi masa hadapan yang berkemahiran dalam pembangunan pembuatan digital.

Program pendidikan yang dilaksana oleh Arcstone dan UTHM tersebut memperkenalkan teknologi berkaitan Industri 4.0 kepada pelajar institut pengajian tinggi dan profesional yang bekerja, sekali gus menyediakan


mereka dengan kemahiran yang diperlukan.

Menggunakan perisian Sistem Pelaksanaan Pembuatan (MES) yang dibekalkan oleh Arcstone, pelajar UTHM berpeluang mempelajari fungsi asas dan pengetahuan teknikal untuk mengendalikan set alat pembuatan digital.

Untuk tujuan pemindahan ilmu dan teknologi, perisian ini juga akan diintegrasikan dengan peralatan yang disumbangkan oleh Fraunhofer Institute for Mechatronic Systems Design dari

Jerman untuk membangunkan simulasi pembuatan digital.

Usahasama ini menyumbang kepada pembangunan TVET terutamanya dalam menghasilkan modal insan yang kompeten dan memenuhi permintaan industri bagi mendepani cabaran Revolusi Perindustrian 4.0.



UTHM raih anugerah di Festival Royal Floria Putrajaya 2022



Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui pasukan daripada Pejabat Pembangunan dan Penyenggaraan yang di ketuai oleh Ts. Mohd Fadlullah Gimat berjaya meraih President's Garden Award ketika menyertai Festival Royal Floria Putrajaya 2022, Perbadanan Putrajaya yang bermula pada 29 Ogos lalu.

Anugerah tersebut disampaikan Presiden Perbadanan Putrajaya, Dato TPr. Fadlun Mak Ujud ketika berlangsungnya majlis penutup yang diadakan pada 8 September 2022 yang bertempat di Anjung Floria, Putrajaya.

Penganjuran Festival Royal Floria Putrajaya 2022 yang telah disempurnakan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim itu melibatkan kehadiran lebih daripada 400 ribu pengunjung.

Melalui tema "Orkid Hebat!" sebanyak enam anugerah telah dipertandingkan bagi kategori Taman Universiti pada Festival Royal Floria 2022.

Untuk rekod, UTHM juga pernah berjaya meraih *Starlight Garden Award* dan *Most Popular Award* ketika menyertai pertandingan tersebut pada tahun 2018.

"Semoga kejayaan ini akan menyerlahkan lagi penglibatan UTHM dalam meraih kecemerlangan dalam pertandingan bertaraf kebangsaan dan antarabangsa seterusnya menjadi penanda aras pada masa akan datang," kata Mohd Fadlullah.



Mahu kekal relevan, FPTP tambah baik Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi



Bagi memastikan program yang ditawarkan relevan seiring dengan kehendak industri dan negara, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah membangunkan empat kluster elektif baharu bagi Program Sarjana Muda Pengurusan Teknologi dengan Kepujian (BPA).

Empat kluster elektif baharu itu iaitu Human Analytics, Data Analytics, Halal Management dan Logistics Management mula ditawarkan kepada pelajar BPA pada sesi 2021/2022.

Selain itu, teras bidang Pengurusan Teknologi juga telah ditambah baik melalui penawaran kursus baharu 'Foresight for Technology Management' dan penambahbaikan silibus kursus Pemindahan Teknologi, Pengurusan Inovasi dan Pengkomersilan dan Strategi Operasi untuk Pengurusan Teknologi.

Menurut Ketua Jabatan Pengurusan dan Teknologi, Dr. Wan Nurul Karimah Wan Ahmad,

program BPA ini telah mula ditawarkan pada tahun 2003 dan merupakan antara program yang tertua di UTHM.

"Pembangunan program ini adalah sejajar dengan penubuhan fakulti pada tahun 2001.

"Sejak diperkenalkan, evolusi pembangunan program BPA sentiasa selari dengan hala tuju pembangunan ekonomi, sosial dan inovasi sains dan teknologi di Malaysia," katanya.

Tambah Dr. Karimah, struktur pembangunan program tersebut asalnya telah diambil daripada kredo untuk program Pengurusan Teknologi yang diperkenalkan oleh *International Association for Management of Technology (IAMOT)* di Amerika Syarikat.

"Kredo ini dijadikan sebagai panduan untuk program Pengurusan Teknologi di dunia dengan menggabungkan disiplin ilmu berteraskan pengurusan-teknologi (*technology-management centered*), teknologi (*technology-centered*), fungsi korporat (*corporate functions*

centered), dan disiplin ilmu lain yang sesuai.

"Pada masa kini, struktur pembangunan kurikulum BPA adalah berdasarkan kepada Standard Program Pengajian Perniagaan Edisi Ke-2, 2021," katanya.

Sehingga kini, program BPA telah menghasilkan seramai 1545 graduan iaitu sebanyak 15 kohort tenaga kerja yang telah ditempatkan di pelbagai industri di Malaysia dan di luar negara.

Keperluan industri yang semakin kompetitif telah memacu penambahbaikan terhadap kandungan, penyampaian serta penaksiran program ini.


Tambahan lagi, tanggungjawab untuk memastikan graduan diterima pasaran telah menjadikan program BPA sentiasa dinamik dan kompetitif.

Reka bentuk kurikulum dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang dirancang dalam program BPA dapat menghasilkan graduan yang kompeten untuk mengurus teknologi dalam semua aktiviti primer dan aktiviti sokongan sesebuah organisasi seperti yang ditakrifkan dalam Rantaian Nilai Porter (*Porter's Value Chain*).

Matlamat utama program ini adalah bagi menghasilkan graduan profesional yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang Pengurusan Teknologi serta mempunyai sikap dan nilai yang mulia.

Ia adalah selari dengan aspirasi UTHM dan KPT untuk melahirkan ahli profesional dan

teknologi yang bukan sahaja berdaya saing serta dapat memenuhi kehendak industri dan negara, malah bermanfaat kepada masyarakat.



Penyelidik UTHM hasilkan profil fasiliti awam, bantu jaga kelestarian kawasan daerah Batu Pahat



BATU PAHAT - Bagi melestarikan pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti dan kemudahan awam di kawasan kejiranan komuniti setempat, sembilan penyelidik, Pusat Kecemerlangan Pengurusan Fasiliti (CeFM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), telah melaksanakan kajian membangunkan profil fasiliti awam di kawasan kejiranan komuniti di daerah Batu Pahat.

Bagi menghasilkan profil fasiliti awam ini, maka satu kajian audit fasiliti awam telah dilaksanakan selama enam bulan bermula November 2021 melibatkan lima mukim dan 54 kampung sekitar kawasan Parit Sulong, Batu Pahat.

Kajian yang diketuai oleh Sr Dr. Rozilah Kasim ini turut melibatkan pemegang taruh

yang terdiri daripada lima penghulu mukim, Majlis Daerah Yong Peng, Majlis Perbandaran Batu Pahat, Pejabat Daerah Batu Pahat, Jabatan Peparitan dan Saliran Batu Pahat dan Jabatan Kerja Raya Batu Pahat.

Dr. Rozilah berkata pandemik Covid-19 yang melanda dunia lebih dua tahun telah menyebabkan beberapa tempat fasiliti awam menjadi terbiar, rosak dan tidak diselenggara dengan baik sehingga menjadi tempat yang tidak lagi selamat untuk digunakan.

“Apabila sesebuah tempat yang telah dibangunkan ini tidak dimanfaatkan dan diselenggara dengan baik maka fasiliti ini terdedah kepada kerosakan dan menyumbang kepada pembaziran dana awam,” katanya.

Fenomena ini turut menjadi satu cabaran utama kepada pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan dan penyelenggaraan fasiliti awam di kawasan kejiranan komuniti.

Persoalan yang timbul, adakah fasiliti awam sedia ada di kawasan kejiranan komuniti ini masih selamat digunakan dan diselenggara dengan baik?

Justeru itu, kerja-kerja profil fasiliti awam ini mengguna pakai senarai semak FMAudit-Tool yang dibangunkan oleh CeFM, UTHM.

Tahap penyelenggaraan 13 jenis bangunan fasiliti awam termasuk surau, masjid, fasiliti sukan, dewan komuniti, balai raya, tandas awam, tempat menunggu bas telah berjaya disaring dan dipprofil mengikut kampung dan mukim.

Menurut Dr. Rozilah, kajian ini dilakukan sebagai usaha membangunkan profil fasiliti awam di kawasan kejiranan untuk kelestarian pengurusan dan penyelenggaraan aktiviti fasiliti awam oleh pihak-pihak yang terlibat.

Tambah beliau usaha ini juga bagi meningkatkan kesedaran komuniti terhadap kelestarian kawasan kejiranan yang kondusif, selesa dan selamat untuk didiami.

"Kelestarian fasiliti awam komuniti setempat yang kita nikmati pada hari ini adalah

pinjaman daripada generasi masa depan.

"Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab generasi masa kini untuk memeliharanya sebaik mungkin," katanya.

Senarai penyelidik terlibat:

Prof. Madya Sr Dr. Rozilah Kasim (Ketua)

Prof. Madya Dr. Azlina Md Yassin

Prof. Madya Dr. Rozlin Zainal

Prof. Madya Dr. Narimah Kasim

Dr. Khadijah Md Arrifin

Puan Syarifah Meryam Shareh

Sr Dr. Mohd Hafizal Ishak

Dr. Hamidon Mohd Noh

Ts. Dr. Mohd Hilmi Izwan Abd Rahim



Pembelajaran TVET UTHM bantu Helmi jadi usahawan tani berjaya



BENTONG, 25 September 2022 – Bermula dengan 15 ribu polibeg tanaman sayur di tapak seluas lapan ekar, kini Muhammad Hilmi Mahadi mampu menanam 55 ribu polibeg di tapak berkeluasan 30 ekar dengan keuntungan bersih kira-kira RM50 ribu sebulan.

Setelah mengerjakan tapak pertama dan tapak kedua, Hilmi merancang mahu mengusahakan tapak ketiga pula yang dijangka akan mula beroperasi sekitar pertengahan tahun 2023.

“Saya berharap apabila ketiga-tiga tapak tersebut beroperasi dengan kapasiti 79,200 polibeg, kebun saya mampu mengeluarkan hasil kira-kira 20,000 hingga 24 000 kilogram sayur sebulan secara berterusan,” kata Hilmi.

Hilmi, 34 yang merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina, Universiti

Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) memilih bidang pertanian sebagai kerjaya setelah menamatkan pengajiannya lapan tahun dahulu.

Menurut Hilmi, beliau mahu buktikan kepada bapanya, Ir. Mahdi Muda dan ibunya, Profesor Madya Ir. Dr. Hayati Abdullah yang beliau boleh berjaya dalam bidang yang dipilihnya.

“Ketika saya di tahun ketiga pengajian, bapa saya mula berjinak-jinak dengan sektor pertanian setelah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan di sektor korporat.

“Manakala pada tahun akhir pengajian, minat saya dalam bidang keusahawanan tani semakin mendalam setelah melihat usaha-usaha awal bapa menguruskan aktiviti pertaniannya,” kata Hilmi.

Setelah tamat pengajiannya di UTHM, Hilmi akhirnya mengambil

keputusan untuk terlibat secara serius dalam bidang pertanian bersama bapanya dengan menyewa tapak pertanian di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lebu, Bentong, Pahang.

Menurut Hilmi, UTHM dan kejuruteraan awam telah mengajar beliau menjadi seorang usahawan tani moden yang mampu mengaplikasikan pengetahuan kejuruteraan dalam pertanian.

“Memang tiada silibus dalam pengajian kejuruteraan awam yang mengajar saya tentang pertanian, tetapi secara keseluruhannya universiti ini benar-benar mengajar saya cara berfikir, merancang dan menyelesaikan masalah dengan berkesan dalam menghadapi cabaran kehidupan,” katanya.

Hilmi yang kini mengusahakan ladang yang didaftarkan dengan nama Lada Besa Enterprise (LADABESA) telah menanam

beberapa jenis sayur iaitu cili merah dan hijau, terung serta bendi dengan menggunakan sistem pengairan berasaskan Internet of Things (IoT) atau irrigation system.

“Pengalaman dan latihan kejuruteraan awam yang saya peroleh di UTHM dahulu sangat membantu saya membangunkan sendiri sistem pengairan tanaman secara automatik dengan menggunakan IoT yang boleh dikawal menggunakan telefon pintar.

Sistem pengairan ini mampu menjimatkan kos dan tenaga kerja sekali gus mampu menjamin kadar pengairan yang lebih tepat mengikut tumbesaran tanaman,” katanya.

Beliau yang dibantu oleh lima pekerja sepenuh masa dan 15 pekerja separuh masa masih berusaha meneroka lebih banyak lagi sistem dan teknologi yang boleh dibangunkan untuk mengoptimalkan operasi di ladangnya.

LadaBESA akan terus memperluaskan kegiatan pertaniannya dengan menyasarkan penanaman sehingga 250 000 polibeg dalam tempoh tiga tahun mendatang.

“Jatuh bangun, untung rugi dalam pertanian sudah menjadi lumrah kepada saya sepanjang lapan tahun berkecimpung dalam bidang ini.

Namun saya beruntung kerana bapa dan ibu sentiasa ada dan menyokong saya dari belakang.

Saya anggap segala cabaran dan halangan yang telah saya lalui sebelum ini menjadi guru terbaik dalam membentuk siapa saya hari ini,” katanya.

Beliau sempat menitipkan pesanan kepada bakal graduan agar tidak terlalu memilih pekerjaan setelah bergraduan nanti.

Sebaliknya mereka perlu mencipta peluang kerjaya dengan menjadikan minat dan kecenderungan masing-masing sebagai satu punca pendapatan.



Tukar sisa jadi harta sambil jaga alam sekitar



TANGKAK – Bahan buangan terutamanya minyak masak diproses untuk menghasilkan sabun organik, manakala sisa plastik diuruskan untuk menghasilkan pelbagai binaan eco-brick.

Aktiviti kitar semula bahan terpakai itu dilaksanakan ketika berlangsungnya Program Pemindahan Ilmu 'Sisa Kepada Harta dan STEM' yang bermula pada 1 Jun hingga 21 September 2022 lalu.

Program yang dikendalikan oleh 19 pensyarah Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bersama rakan strategik SWM Environment Sdn. Bhd. itu melibatkan penyertaan para pelajar Sekolah Kebangsaan Tanjong Gading (SKTG) yang

merupakan sekolah angkat fakulti tersebut.

Dalam program itu, 246 pelajar SKTGP turut didedahkan dengan ilmu berkaitan tenaga solar dan motor arus terus.

Mereka diberi peluang membina kereta yang bergerak menggunakan tenaga solar dan angin, sebelum dipertandingkan dalam perlumbaan kereta sesama mereka.

Majlis perasmian penutup yang diadakan pada 21 September 2022 telah disempurnakan oleh Timbalan PPD Pembelajaran Pejabat Pendidikan Daerah Tangkak, Rosman Sairi.

Pada masa yang sama, watakah pelantikan SKTG sebagai sekolah angkat FTK UTHM turut diserahkan kepada pihak sekolah oleh

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Dr. Nofrizalidris Darlis.

Turut hadir, Pegawai Komunikasi Korporat dan Hal Ehwal Kerajaan SWM Environment Sdn. Bhd., Muhamad Bakhtiar Azni.

Menurut pengarah program, Sumaiya Mashori yang juga penceramah penghasilan sabun daripada minyak sawit terpakai, program itu juga berjaya memupuk kesedaran pelajar tentang penjagaan alam sekitar.

"Buktinya program ini berjaya mengumpul 617.5 kilogram (kg) barang kitar semula merangkumi 489.5 kg kertas, 91.5 kg plastik, 34.3 kg tin dan 2 kg kaca.

"Dalam tempoh 16 minggu pelaksanaan program, komuniti SKTG telah berjaya mengumpul sebanyak 254 botol eco-brick

daripada sisa plastik dan menghasilkan binaan replika bunga raya daripada 232 botol yang dikumpulkan,” katanya.

Sementara itu, booth pameran sabun pula berjaya memperoleh sebanyak RM91 hasil jualan

produk sabun yang dihasilkan daripada minyak sawit terpakai.

Program ‘Sisa Kepada Harta’ ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar sampah, memudahkan proses kitar semula serta mendidik masyarakat

bermula dari peringkat sekolah rendah sekali gus membantu pihak SKTG mencapai hasrat penglibatan dalam Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC),” katanya.





IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN WEB) DENGAN KEPUJIAN (BIW)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME

Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



PENGATURCARA WEB

WEB SPECIALIST

PENGURUS PROJEK WEB

PENGANALISA WEB

PEMBANGUN KANDUNGAN
WEB

PEREKA WEB




KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang pembangunan web dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini




HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

Terbitan Terkini



REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Seajar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik dalam perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.

